

USIM tawar spa berkonsep Islam

Salak Tinggi: Pusat Kesihatan Universiti, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) akan menyediakan kemudahan Islamic Spa & Beauty serta Klinik Perubatan Komplimentari USIM yang dijangka beroperasi pada Mac ini.

Pengarah Pusat Kesihatan USIM, Dr Nik Mohd Shafikudin Md Taujuddin, berkata kemudahan Islamic Spa & Beauty bertujuan memberikan perkhidmatan yang memenuhi tuntutan syariah kepada warga USIM dan masyarakat sekitar.

Katanya, sejumlah RM20,000 diperuntukkan bagi pembelian peralatan lengkap untuk memulakan operasi yang akan menawarkan pelbagai perkhidmatan sama seperti

salon kecantikan termasuk rawatan muka, rawatan pelangsingan dan mandian sauna.

"Islamic Spa & Beauty akan menampilkan keunikan tersendiri dan pelanggan tidak perlu risau tentang penjagaan aurat atau percampuran lelaki dan perempuan apabila mendapatkan perkhidmatan di spa ini.

Tenaga pakar

"Penubuhan Klinik Perubatan Komplimentari pula adalah usaha mengangkat semula kaedah perubatan Nabawi dan perubatan tradisional, selain mengumpul dan mengembangkan ilmu dan tenaga pakar perubatan komplimentari sedia ada," katanya pada majlis pelan-

caran perkhidmatan Klinik Komplimentari Perubatan USIM dan Islamic Spa dan Beauty, di sini, baru-baru ini.

Majlis disempurnakan oleh Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Prof Datuk Dr Mohamed Asin Dolah.

Antara perkhidmatan ditawarkan klinik berkenaan ialah rawatan bekam sunah, bekam klinikal, akupunktur kecantikan dan pelangsingan, urutan terapeutik, rawatan tulang belakang dan rawatan Rukyah.

Dr Nik Mohd Shafikudin berkata, banyak kajian dijalankan institut pengajian tinggi (IPT) mengenai perubatan komplimentari, namun pelaksanaan perkhidmatan perubatan ini



Sebahagian daripada pelajar yang hadir pada majlis pelancaran Klinik **Komplimentari Perubatan USIM dan Islamic Spa dan Beauty**.

masih belum ada.

Beliau berkata, inisiatif Pusat Kesihatan USIM

melaksanakan perkhidmatan perubatan komplimentari adalah untuk mening-

katkan profesionalisme dan kredibiliti kaedah perawatan ini.